

1003

**SALASILAH SANAD AL-KUTUB AL-SITTAH TOKOH AL-MUSNID
MELAYU NUSANTARA SYEIKH MUHAMMAD MAHFUZ
AL-TARMAZI (1868-1920M)**

FARHAH ZAIDAR MOHAMED RAMLI
farhahzaidar@kuis.edu.my
010-5148069

SITI ZAHARAH ABDUL HAMID

Fakulti Pengajian Peradaban Islam
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

ABSTRAK

Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Mannan al-Tarmasi merupakan tokoh al-musnid melayu nusantara terbilang abad 20 masihi. Ilmuwan kelahiran Termas, Pacitan, Jawa Tengah, Indonesia menonjol sebagai ulama berkaliber dalam dunia Islam pada zamannya terutamanya di bumi Mekah. Kehebatan tokoh dalam arena ilmu terserlah menerusi penemuan sekitar 20 buah karya penulisan tokoh dalam enam bidang utama pengajian Islam iaitu qira'at, fiqah dan usul fiqah, hadis dan ulum hadith, tafsir, tasawuf dan al-thabat. Namun makalah ini bertujuan hanya untuk mendetailkan rantaian salasilah sanad al-kutub al-sittah menerusi periwayatan tokoh. Aspek kegiatan tokoh sebagai al-musnid jarang diulas secara kritis terutamanya signifikasi tokoh mengambil periwayatan salasilah sanad yang bersambung sehingga sampai kepada penyusun karya turath hadis khususnya al-kutub al-sittah. Data-data dikumpul berdasarkan metode analisa kandungan terhadap karya al-thabat tokoh berjudul Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid. Analisis data dilakukan secara deskriptif. Dapatan menunjukkan tokoh meriwayatkan salasilah sanad al-kutub al-sittah daripada tiga orang guru berantailan sehingga sampai kepada penyusun-penyusun asal karya-karya tersebut. Syeikh Abi Bakr al-Syatta al-Makki dikenal pasti sebagai guru riwayat utama berasaskan penemuan jalur periwayatan terbanyak yang melibatkan kitab Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim dan Sunan Ibn Majah. Salasilah sanad al-kutub al-sittah ini diriwayatkan menerusi metode al-sama' dan al-ijazah. Terdapat tiga signifikasi utama tokoh meriwayatkan, menyelenggara serta mendokumentasikan periwayatan salasilah sanad ilmu hadis khasnya bersandarkan enam buah kitab induk hadis iaitu pandangan alam Islami terhadap kelebihan sanad, kepentingan pengetahuan biodata serta keilmuan guru dan teladan tradisi ulama dunia Islam. Tiga signifikasi tersebut membawa implikasi asas relevansi yang mempengaruhi kelansungan kegiatan periwayatan salasilah sanad kitab-kitab turath pengajian Islam dalam kalangan ilmuwan Islam al-musnid zaman berzaman.

Kata kunci: sanad, al-kutub al-sittah, al-musnid, melayu, al-Tarmasi.

1.0 PENGENALAN

Al-Kutub al-sittah merupakan kumpulan kitab hadis muhtabar yang menjadi sumber utama dalam pengajian *talaqqi bersanad* kitab turath dunia Islam. Hampir keseluruhan ulama mengutamakan mendengar (*al-samā'*) dan membaca (*al-qirā'ah*) karya-karya ini serta memperolehi pengijāzahan daripada para guru. Malah dalam disiplin pengajian hadis

karya-karya induk ini diusulkan sebagai keutamaan dalam pendahuluan pendengaran hadis apatah lagi setelah kesemuanya dibukukan (al-Rājihīyy, 2001: 40-42). Al-Fadani (1983: 7) menjelaskan para ulama menyatakan adalah patut bagi seorang penuntut ilmu hadis *talaqqi kutub al-sittah* yang masyhur dalam kalangan ahli hadis mengikut tertibnya iaitu *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Ṣaḥīḥ Muslim*, *Sunan Abī Dāwud* dan seterusnya sama ada *al-talaqqi* secara *qira'atan minh^c alā syaikhuh* atau secara *ijāzah* daripadanya.

2.0 FENOMENA DOKUMENTASI SALASILAH SANAD AL-KUTUB AL-SITTAH DALAM KARYA AL-THABAT DUNIA ISLAM

Justeru pengajian *talaqqi al-kutub al-sittah* secara *bersanad* dalam kalangan ulama adalah bukan suatu fenomena yang marginal atau terpencil. Malah tradisi ini diaplikasikan secara meluas serta didokumentasikan salasilahnya secara sistematik dalam karya yang dikenali dengan istilah *al-thabat*. Dalam konteks pengajian hadis, karya *al-thabat* atau *al-athbāt* (kata *jama^c*) merupakan kategori kitab yang merekodkan *sanad* bagi kitab-kitab yang dibacakan serta didengari oleh penyusun di hadapan para guru. *Al-Thabat* juga pada asalnya merupakan karya yang mengumpulkan *al-ijāzāt* yang telah diperolehi oleh seseorang penuntut ilmu daripada para guru bagi meriwayatkan kitab-kitab hadis (al-Ghawri, 2007: 53).

Di sisi yang lain, penyusun *al-thabat* dikenali sebagai *al-musnid*. Menurut al-Fadani (al-Tarmasi, 1987: 6) *al-musnid* pada masa mutakhir adalah merujuk kepada seseorang yang melakukan penambahan periwatan menerusi pengetahuan terhadap *al-masanid* dan *al-fahāris* serta prihatin dalam menerima serta memiliki banyak periwatan daripada para guru timur dan barat.

Seterusnya sekadar contoh, dokumentasi salasilah *sanad al-kutub al-sittah* dapat ditemui dalam 12 buah karya *al-thabat* yang terpilih berikut. Para *al-musnid* atau penyusun 12 buah karya *al-thabat* ini mendetailkan nama-nama guru secara bersalasilah sehingga sampai kepada enam penyusun *al-kutub al-sittah* serta menyatakan metode periwatannya sama ada menerusi *al-samā^f*, *al-qirā'ah* dan *al-ijāzah*. Penyusun *al-thabat* berjudul *Barnamaj al-Wādī Āshī* iaitu al-Wādī Āshī (m.749H/1348M) mencatatkan secara bersilsilah *sanad* para guru *al-samā^f*, *al-qirā'ah* dan *al-ijāzah* bagi *al-kutub al-sittah* yang beliau perolehi menerusi siri-siri pertemuan di dalam majlis pembacaan kitab-kitab ini di beberapa bandar antaranya Tunisia dan lain-lain (al-Aṣl, 1982: 188-196 & 202-203).

Ibn Ḥajar al-^cAsqalānī (1992: 90-105) dalam *al-thabat* berjudul *al-Majma^c al-Mu'assis li Mu'jam al-Mufahris* merekodkan aplikasi *talaqqi bersanad* iaitu *al-samā^f* dan *al-qirā'ah* kitab *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, *Sunan al-Tirmidhī* dan *Sunan al-Nasā'ī* di hadapan guru-guru beliau beserta silsilah semua *sanadnya* hingga sampai kepada ketiga-tiga penyusun tersebut. Rekod yang seumpamanya bagi *al-kutub al-sittah* juga dapat ditemui dalam satu lagi karya *al-thabat* beliau iaitu *Tajrīd al-Asānīd al-Kutub al-Mashhūrah wa al-Ajzā' al-Manthūrah* (Ibn Ḥajar al-^cAsqalānī, 1998: 25-36).

Al-Thabat seterusnya iaitu *Qātf al-thamar fi Raf^f Aṣanīd al-Muṣannafāt fī al-Funūn wa al-Athār* oleh al-Fullānī (1984: 35-67) dan *Thabat al-Amīr al-Kabīr* oleh al-Amīr al-Kabīr (2009). Kedua-dua tokoh ini mencatatkan aplikasi *talaqqi bersanad* secara kombinasi *al-samā^f*, *al-qirā'ah* dan *al-ijāzah* bagi *al-kutub al-sittah* bersama para guru. Manakala al-Amīr al-Kabīr (2009: 76) turut mencatatkan beberapa informasi tentang profil majlis-majlis pengajian tersebut misalnya tempat pengajian *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* beliau yang turut berlangsung di al-Azhār dengan pembacaan secara ulas dan kaji.

Contoh seterusnya bagi aplikasi *talaqqi bersanad* terhadap *al-kutub al-sittah* ialah al-Shawkānī (2002: 1465-1464) dalam karya *al-thabatnya* yang berjudul *Itḥāf al-Akābir bi Isnād al-Dafātir*. Tokoh ini meriwayatkan kitab *Sunan Abū Dāwud* dengan cara *al-samāʿ* keseluruhan kandungannya daripada awal hingga akhir kitab daripada lafaz gurunya al-Ḥasan bin Ismāʿīl bin al-Ḥusayn Muḥammad al-Magribī (m.1208H/1793M) daripada gurunya pula al-Sayyid al-Qāsim bin Muḥammad al-Kabasī (m.1201H/1786M) dan seterusnya sehingga sampai kepada Imam Abū Dāwud (m.275H/888M).

Al-Shawkānī (2002: 1467-1466,1492,1499) juga meriwayatkan *Sunan al-Tirmidhī* dengan cara *al-samāʿ* bagi keseluruhan kandungan kitab daripada lafaz gurunya al-sayyid ʿAbd al-Qādir bin Aḥmad (m.1207H/1792M) menerusi sanadnya sehingga sampai kepada Imam al-Tirmidhī (m.279H/892M). Manakala *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, beliau mendengarnya daripada awal hingga akhir (tamat) daripada lafaz gurunya ʿAlī bin Ibrāhīm bin ʿAlī bin Ibrāhīm bin Aḥmad bin ʿĀmir al-Shāhid (m.1207H/1792M). Seterusnya al-Shawkānī (m.1250H/1834M) mendengar *Ṣaḥīḥ Muslim* daripada awal kitab hingga tamat daripada lafaz gurunya ʿAbd al-Qādir bin Aḥmad (m.1207H/1792M) yang mana gurunya meriwayatkannya daripada ramai guru sehingga sampai kepada Imam Muslim (m.261H/874M).

Dokumentasi terhadap periwayatan salasilah sanad *al-kutub al-sittah* juga boleh disemak dalam baki lapan karya *al-thabat* lagi iaitu *al-Maslak al-Jalīyy fi Asānid Muḥammad ʿAlī* (al-Fadānī, t.th: 5-6), *al-Asānid al-Makkīyyah li Kutub al-Ḥadīth wa al-Siyar wa al-Shamāʿil al-Muḥammadīyyah* (al-Fadānī, 1989M: 1-13), *al-Ṭālīʿ al-Saʿīd al-Muntakhab min al-Musalsalāt wa al-Asānid* (al-Mālikī, 1991: 54-87), *Imdād al-Fattāḥ bi Asānid wa Marwīyyāt al-Shaykh ʿAbd al-Fattāḥ* (Alrashīd, 1999: 395-402, *al-Durr al-Thamīn bi Asānid Shaykh Taqīyy al-Dīn* (al-Nadwī (b), 2007: 36-39), *al-ʿAnāqīd al-Ghālīyyah min al-Asānid al-ʿĀliyyah* (al-Barnī, 1988:142-159).dan *Bughyat al-Mutābiʿ li Asānid al-ʿAllāmah al-Sharīf Muḥammad al-Rabīʿ* (al-Nadwi, Muḥammad Akram, 2001: 51-67) dan termasuk *Kifāyat al-Mustafid limā ʿalā min al-Asānid* yang disusun dan diselenggarakan oleh tokoh *al-musnid* melayu nusantara yang dibincangkan dalam makalah ini iaitu Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987: 12-16).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini bertujuan untuk mendetailkan rantaian salasilah *sanad al-kutub al-sittah* sepertimana yang diriwayatkan oleh Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi dalam karya *al-thabat* susunan tokoh yang berjudul *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid*. Aspek kegiatan tokoh sebagai *al-musnid* jarang diulas secara kritis terutamanya signifikansi tokoh mengambil periwayatan salasilah sanad yang bersambung sehingga sampai kepada penyusun karya-karya *turath* hadis khususnya *al-kutub al-sittah*. Data-data dikumpul berdasarkan metode analisa kandungan terhadap sumber primer tersebut. Analisis data dilakukan secara deskriptif. Dapatan kajian diperbincangkan sebagaimana huraian berikut.

4.0 PROFIL TOKOH



Gambar 1.1 Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Mannan al-Tarmasi

Syeikh Muhammad Mahfuz bin Abdullah bin Abdul Mannan al-Tarmasi merupakan tokoh ilmuwan Islam terkemuka abad 20 hijrah. Al-Fadani dalam al-Tarmasi (1987:41) menggelarkan beliau sebagai *al-'allamah al-muhaddith al-musnid al-faqih al-usuli al-muqri'* bersandarkan penghasilan karya-karya ilmiah tokoh dalam bidang-bidang berkenaan. Tokoh ini merupakan ulama berketurunan melayu yang dilahirkan di Termas, Pacitan, Jawa Tengah, Indonesia pada 12 Jamadilawal 1285 H/31 Ogos 1868 M. Tokoh berhijrah ke Mekah kali pertama pada tahun 1291H iaitu ketika berusia enam tahun dan berkesempatan mengaji beberapa buah kitab sebelum tokoh dihantar pulang kembali ke Termas, Pacitan Jawa Tengah. Namun pada usia 23 tahun, tokoh kembali berhijrah kali kedua ke Mekah untuk menuntut ilmu-ilmu pengajian Islam secara lebih mendalam dan konsisten sehingga beliau dikenali sebagai antara ulama Mekah yang terbilang pada zamannya (al-Kattani, 1982: 503 & al-Mar'asyli, 2002: 365). Tokoh wafat di Mekah pada 1 Rejab 1338 H/20 Mac 1920 M dalam lingkungan usia 53 tahun (al-Tarmasi, 1987: 43).

Penguasaan dan kepakaran ilmu Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi dalam bidang ilmu tafsir, hadis, fiqah, ilmu alat tatabahasa Arab, ilmu usuluddin dan ilmu tasawuf dapat dimajukan serta dimatangkan menerusi sistem pengajian berkitab dan bersanad atau juga disebut *talaqqi bersanad*. Sistem ini merupakan metodologi pengajian ilmu *turath* Islam asal yang meluas diterapkan zaman berzaman dalam sistem pengajian khususnya di Mekah dan Madinah. Ianya merupakan sistem pewarisan ilmu yang dipengaruhi secara natural daripada zaman penurunan wahyu di bumi kelahiran Rasulullah ﷺ iaitu Mekah dan bumi Hijrah baginda iaitu Madinah al-Munawwarah. Aspek pewarisan tersebut jelas terserlah menerusi salasilah sanad periwayatan kitab-kitab *turath* dalam enam bidang berkenaan yang didokumentasikan dalam karya *al-thabat* tokoh berjudul *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min*

al-Asanid (al-Tarmasi, 1987:1-40). Periwiyatan ini diambil daripada para guru yang merupakan ulama Mekah dan Madinah yang menyimpan serta mewariskan salasilah *sanad* tersebut kepada murid mereka.

Al-Mar'asyli (2002: 601-608) menyenaraikan Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi sebagai salah seorang tokoh *al-musnid* dalam kalangan 289 orang *al-musnid* dunia Islam kurun ke 14 Hijrah. Maḥmūd al-Ḥasan al-Deobandī (m.1339H/1921M), Muḥammad bin Ja'far al-Kattānī (m.1345H/1926M), Anwar Shāh al-Kashmīrī (m.1352H/1933M), Yūsuf al-Dijwī (m.1360H/1941M), Muḥammad 'Alī al-Mālikī (m.1367H/1948M), 'Umar Ḥamdān al-Mahrāsī (m.1368H/1949M), Muḥammad Zāhid al-Kawthārī (m.1371H/1952M), 'Abd al-Ḥayy al-Kattānī (m.1382H/1962M), Yūsuf al-Binnurī (m.1397H/1976M) dan Ḥasan al-Mashāṭ (m.1399H/1978M) merupakan antara contoh tokoh *al-musnid* dunia Islam yang sezaman dengan Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi. Kebanyakan tokoh-tokoh ini terkenal sebagai ilmuwan hadis sepertimana Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi. Justeru, penemuan ini menunjukkan bahawa kegiatan seseorang *al-musnid* iaitu periwiyatan salasilah *sanad* kitab-kitab *turath* khasnya dalam bidang hadis adalah tidak dipinggirkan oleh hampir kebanyakan ilmuwan hadis. Oleh sebab itu, al-Azharī (2011:22) merumuskan bahawa hampir setiap ahli hadis adalah *al-musnid* sekalipun bukan semua *al-musnid* adalah ahli hadis.

5.0 PROFIL KARYA AL-THABAT TOKOH

Menurut al-Mar'asyli (2002: 366), *al-musnid* Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi pernah menghasilkan tiga karya dalam kategori *al-thabat*. *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid* adalah salah satu daripada tiga karya tersebut. Karya bersaiz kecil dalam 44 halaman ini mula diterbitkan pada tahun 1985 oleh Dar al-Basya'ir al-Islamiyyah. Karya ini turut mendapat keprihatinan daripada *Musnid al-Dunya* Syeikh Muhammad Yasin al-Fadani dalam aspek pentashihan dan komentar isi kandungan. Analisa kandungan terhadap *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid* dalam konteks periwiyatan salasilah *sanad* kitab-kitab *turath* dalam bidang hadis menemui enam dapatan sebagaimana perbincangan berikut.

5.1 NAMA KITAB DAN GURU RIWAYAT ILMU HADIS

Sinonim dengan takrifan *al-thabat*, *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid* merekodkan salasilah *sanad* bagi kitab-kitab *turath* yang telah dibacakan serta didengari oleh Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi di hadapan para guru. Kitab-kitab *turath* tersebut diklasifikasikan kepada enam bidang ilmu yang dikuasai oleh Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987) iaitu tafsir, hadis, fiqah, ilmu alat tatabahasa Arab, ilmu usuluddin dan ilmu tasawuf. Salasilah *sanad* tersebut direkodkan secara bersambung bermula daripada guru-guru Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987) berantainya sehingga sampai kepada nama pengarang atau penyusun karya-karya *turath* tersebut. Dalam bidang ilmu hadis, Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:12-19) meriwayatkan salasilah *sanad* terhadap 19 buah kitab *turath* hadis daripada tiga orang guru riwayat sebagaimana yang tertera dalam jadual 1.1 berikut.

Jadual 1.1 Nama Kitab dan Guru Riwayat Ilmu Hadis

BIL	NAMA KITAB	NAMA GURU RIWAYAT
1.	<i>Sahih al-Bukhari</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
2.	<i>Sahih Muslim</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
3.	<i>Sunan Abi Dawud</i>	Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani
4.	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami
5.	<i>Sunan al-Nasa'i</i>	Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami
6.	<i>Sunan Ibn Majah</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
7.	<i>al-Muwatta'</i>	Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani
8.	<i>Musnad Imam al-Syafi'i</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
9.	<i>Musnad Imam Abi Hanifah</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
10.	<i>Musnad Imam Ahmad Ibn Hanbal</i>	Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani
11.	<i>Mukhtasar Ibn Abi Jamrah</i>	Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani
12.	<i>al-Syifa'</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
13.	<i>al-Arba'un al-Nawawiyah</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
14.	<i>al-Syama'il</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
15.	<i>al-Jami' al-Saghir</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
16.	<i>al-Mawahib</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
17.	<i>Syarh al-Bukhari</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
18.	<i>al-Sirah al-Halabiyyah</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki
19.	<i>al-Sirah</i>	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki

Jadual 1.1 memaparkan tiga orang guru yang menjadi sumber periwayatan salasilah *sanad* kepada 19 buah kitab *turath* hadis oleh Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:12-19). Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki merupakan guru riwayat paling utama. Ia berdasarkan penemuan jumlah kitab paling banyak iaitu 13 buah kitab *turath* hadis yang diriwayatkan menerusi rantaian salasilah *sanad* beliau. Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani merupakan guru riwayat kedua dengan empat buah kitab *turath* hadis. Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami merupakan guru riwayat ketiga dengan dua buah kitab *turath* hadis.

5.2 GURU RIWAYAT SALASILAH SANAD AL-KUTUB AL-SITTAH

Secara detail dalam konteks *al-kutub al-sittah*, Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (w. 1338H) dikenal pasti meriwayatkan salasilah *sanad* tiga buah kitab iaitu *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan *Sunan Ibn Majah* daripada guru riwayat utama beliau iaitu Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki. Manakala dua buah kitab iaitu *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan al-Nasa'i* pula diriwayatkan oleh tokoh daripada gurunya yang bernama Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami. Tokoh meriwayatkan *Sunan Abi Dawud* daripada guru beliau yang bernama Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani. Berikut diperkenalkan secara ringkas profil tiga orang guru riwayat salasilah *sanad al-kutub al-sittah* berkenaan.

i. Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w. 1310H)

Al-Sayyid Bakri Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w. 1310H) merupakan guru riwayat utama untuk mata rantai keilmuan Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (w. 1338H) dalam konteks *al-kutub al-sittah* iaitu khasnya *Sahih al-Bukhari*, *Sahih Muslim* dan *Sunan Ibn Majah* (al-Tarmasi, 1987:12-16). Beliau merupakan ulama handalan Mekah yang lebih masyhur dikenali sebagai pengarang kitab yang berjudul *I'anatut Thalibin Syarh Fat-hil Mu'in*. Beliau menimba ilmu secara *talaqqi* kitab dan *bersanad* daripada tokoh mufti Mazhab al-Syafi'i dan ketua ulama Hijjaz iaitu Sayyid Ahmad Zaini Dahlan (w.1304H). Dalam konteks *al-kutub al-Sittah*, Al-Sayyid Bakri Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w. 1310H) meriwayatkan salasilah *sanad* kitab *Sahih al-Bukhari*, *Sunan al-Tirmidhi* dan

Sunan Ibn Majah daripada tokoh mufti tersebut. Beliau turut menyusun sebuah karya *al-thabat* terhadap tokoh ini. Karya tersebut berjudul *Nafhah al-Rahman fi Manaqib al-Sayyid Ahmad Zayni Dahlan* (al-Mar'asyli, 2002: 287).

ii. Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami (w. 1330H)

Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami (w. 1330H) merupakan ilmuwan terbilang Mekah dan juga merupakan mufti mazhab al-Syafi'i. Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987: 7) menjelaskan bahawa beliau turut mempelajari kitab *Sunan Abi Dawud* daripada tokoh ini selain *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan al-Nasa'i*.

iii. Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani (w.1329H)

Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani merupakan ilmuwan yang dikenali sebagai *al-faqih al-salih al-musnid* berasaskan ketokohan dan sumbangan beliau dalam arena ilmu pengajian Islam di Mekah dan Madinah. Terdapat lebih kurang sepuluh orang guru periwayatan ilmu beliau. Antaranya ialah al-Syaikh 'Abd al-Ghaniyy bin Abi Sa'id al-'Ummari (w. 1296H) yang merupakan antara guru riwayat beliau untuk *al-kutub al-sittah*. Manakala anak beliau yang bernama 'Abbas serta murid beliau juga merangkap pengarang kitab *al-thabat* terkenal, *Fihris al-Faharis*; Muhammad 'Abd al-Hayy al-Kattani (w.1382H) merupakan dua orang murid yang menyambung periwayatan ilmu daripada beliau. Terdapat dua karya *thabat* yang merekodkan mata rantai sanad keilmuan beliau yang bersambungan guru-demi guru sehingga sampai kepada pengarang-pengarang asal kitab turath dunia Islam. Karya *al-thabat* yang pertama berjudul *Thabat Amin Ridwan al-Madani*. Karya ini mendokumentasikan salasilah periwayatan sanad keilmuan khususnya *al-kutub al-sittah* daripada sejumlah guru beliau terutamanya al-Syaikh 'Abd al-Ghaniyy bin Abi Sa'id al-'Ummari (w. 1296H). Karya *al-thabat* yang kedua berjudul *Ijazah Amin Ridwan al-Madani*. Karya ini merekodkan mata rantai sanad beliau terhadap kitab *al-Dala'il* (al-Mar'asyli, 2002: 341-342).

5.3 METODE RIWAYAT SALASILAH SANAD AL-KUTUB AL-SITTAH

Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:12-16) menyatakan metode beliau meriwayatkan *al-kutub al-sittah* adalah sepertimana yang dipaparkan dalam jadual 1.2 di bawah. Penemuan mendapati tokoh meriwayatkan salasilah sanad kepada kitab *Sahih al-Bukhari* menerusi metode *al-sama'* iaitu pendengaran hadis-hadis kitab tersebut yang dibacakan dihadapan gurunya iaitu Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w. 1310H). Tokoh juga menjelaskan beliau berjaya mengkhataamkan pendengaran hadis-hadis *Sahih al-Bukhari* yang dibacakan secara langsung di hadapan gurunya tersebut sebanyak empat kali pengkhataaman. Namun proses pendengaran terhadap hadis-hadis kitab tersebut tidak lengkap kerana tokoh mengalami sedikit keciciran pendengaran hadis pada beberapa tempat (al-Tarmasi 1987: 12). *Sahih Muslim* turut diriwayatkan oleh Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987: 13) menerusi metode *al-sama'*. Tokoh berkesempatan mendengar hadis-hadis *Sahih Muslim* yang dibacakan di hadapan gurunya iaitu Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w. 1310H) dengan dua kali pendengaran untuk separuh kandungan kitab. Manakala separuh baki kandungan kitab diriwayatkan secara *al-ijazah*.

Seterusnya metode periwayatan *Sunan Abi Dawud*, *Sunan al-Tirmidhi*, *Sunan al-Nasa'i* dan *Sunan Ibn Majah* pula tidak dinyatakan secara detail. Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987: 14-16) hanya mencatatkan kalimah *عن* sahaja ketika menyenaraikan salasilah *sanad* keempat-empat buah kitab tersebut. Justeru kajian menginterpretasikan kalimah *عن* ini

sebagai mewakili paling kurang adalah metode *al-ijazah* berasaskan komparatif di antara penjelasan Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987: 7-8) pada bahagian permulaan kandungan karya *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid* serta senarai guru-guru *al-ijazah* beliau sebagaimana yang direkodkan oleh al-Mar'asyli (2002: 365-366).

Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:8) menyatakan telah menerima secara metode *al-ijazah* iaitu bertulis dan juga lisan untuk meriwayatkan salasilah keseluruhan periwayatan ilmu guru *Sunan Abi Dawud* beliau iaitu Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani (w.1329H). Beliau juga ada menyatakan telah menerima *ijazah* secara khusus dan *ijazah* umum untuk meriwayatkan salasilah sanad guru *Sunan Ibn Majah* beliau iaitu Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w. 1310H).

Manakala metode periwayatan Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi daripada guru *Sunan al-Tirmidhi* dan *Sunan al-Nasa'i* beliau iaitu Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami (w. 1330H) adalah dapat dikenalpasti sebagai secara *al-ijazah*. Ianya berasaskan komparatif antara rekod senarai guru-guru *al-ijazah* beliau dalam al-Mar'asyli (2002: 365) dan penjelasannya (al-Tarmasi 1987:7) dalam *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid*.

Penemuan dalam konteks ini menonjolkan bahawa mekanisme periwayatan salasilah sanad kitab kepada *al-kutub al-sittah* iaitu secara *al-sama'* dan *al-ijazah* adalah merupakan satu pengadaptasian daripada mekanisme periwayatan hadis-hadis Rasulullah ﷺ yang asal. Dalam erti kata lain, ianya dipengaruhi oleh tatacara *al-tahammul wa al-ada'* dalam disiplin ilmu hadis. Para ilmuwan *al-musnid* meneruskan komitmen kepatuhan terhadap metode periwayatan ini atas dasar untuk mengekalkan persambungan salasilah sanad. Pengekalan salasilah sanad seumpama ini diiktiraf sebagai salah satu bentuk kemuliaan yang istimewa. Ia sebagai mercu tanda penghormatan terhadap kedudukan sumber mutlak *sanad* ilmu-ilmu wahyu Islam iaitu Rasulullah ﷺ (Nur al-Din 'Itr, 1992 :88). Dalam perspektif yang lain, kenyataan ini juga membawa implikasi ketidaksahan perletakan nama sebaris dalam senarai sesuatu salasilah sanad kecuali menerusi aplikasi salah satu metode standard penyambungan sanad iaitu *al-sama'* atau paling kurang *al-ijazah* (Farhah Zaidar, 2014: 251).

Jadual 1.2 Metode Riwayat Salasilah Sanad al-Kutub al-Sittah

BIL	NAMA KITAB	METODE RIWAYAT
1.	<i>Sahih al-Bukhari</i>	<i>al-Sama'</i> (4 kali Pengkhataman dengan sedikit taburan keciciran pendengaran)
2.	<i>Sahih Muslim</i>	<i>al-Sama'</i> (dua kali pendengaran untuk separuh kandungan kitab) dan <i>al-ijazah</i> (untuk baki kandungan kitab)
3.	<i>Sunan Abi Dawud</i>	عن (<i>al-Ijazah</i>)
4.	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	عن (<i>al-Ijazah</i>)
5.	<i>Sunan al-Nasa'i</i>	عن (<i>al-Ijazah</i>)
6.	<i>Sunan Ibn Majah</i>	عن (<i>al-Ijazah</i>)

5.4 JUMLAH RIJAL SALASILAH SANAD AL-KUTUB AL-SITTAH

Kajian menemui jumlah *rijal* terbanyak adalah terdapat pada salasilah sanad kepada kitab *Sunan Abu Dawud* dan *Sunan Ibn Majah* iaitu terdiri daripada 23 orang *rijal* bermula daripada Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi sehingga sampai kepada pengarang kitab; Al-Imam al-hafiz Abi Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani dan Al-Imam al-Hafiz Abu

'Abd Allah Muhammad bin Majah al-Qazwini (w. 273H). Kajian turut menemui jumlah *rijal* paling sikit adalah terdapat pada salasilah sanad kepada kitab *Sunan al-Nasa'i* iaitu terdiri daripada 21 orang *rijal* bermula daripada Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi sehingga sampai kepada pengarang kitab; Al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'ayb bin 'Ali al-Nasa'i.

Jadual 1.3 Jumlah *Rijal* Salasilah Sanad *al-Kutub al-Sittah*

BIL	NAMA KITAB	JUMLAH RIJAL
1.	<i>Sahih al-Bukhari</i>	22 <i>Rijal</i>
2.	<i>Sahih Muslim</i>	20 <i>Rijal</i>
3.	<i>Sunan Abi Dawud</i>	23 <i>Rijal</i>
4.	<i>Sunan al-Tirmidhi</i>	22 <i>Rijal</i>
5.	<i>Sunan al-Nasa'i</i>	21 <i>Rijal</i>
6.	<i>Sunan Ibn Majah</i>	23 <i>Rijal</i>

5.5 JADUAL DAN SUMBER SALASILAH SANAD AL-KUTUB AL-SITTAH

Seterusnya dipaparkan secara lengkap jadual salasilah ulama yang menjadi mata rantai sanad *al-kutub al-sittah* sebagaimana yang disandarkan oleh Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi kepada tiga orang guru riwayat berkenaan dalam karya *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid*. Paparan mata rantai yang bersambungan sepanjang 14 kurun ini menunjukkan keupayaan para *al-musnid* seperti Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi menyorot kembali susur galur jaringan sanad kitab-kitab berkenaan.

Keupayaan ini ada hubungannya dengan peninggalan-peninggalan karya-karya *thabat* oleh para ulama terdahulu. Karya-karya ini disusun secara sistematik dan konsisten demi kelangsungan kegiatan tradisi periwayatan ilmu dalam kalangan ulama bersanad. Para *al-musnid* amat mudah terkesan untuk melibatkan diri dalam menyusun dan menyelenggarakan salasilah sanad dalam sesebuah karya *al-thabat*. Ini adalah kerana menurut al-Fadani (al-Tarmasi, 1987:6) ianya sinonim dengan pengertian kalimah *thabt* itu sendiri iaitu yang bermaksud hujah. Justeru karya *al-thabat* itu adalah seperti hujah yang menyokong autoriti keilmuan seseorang ilmuwan dalam hal ehwal pendengaran dan pengijazahan ilmu secara berguru.

Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi tidak menyatakan secara konkrit dalam konteks sumber pengeluaran salasilah sanad *al-kutub al-sittah* dalam *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid*. Walau pun begitu, kajian menemui karya-karya *thabat* tertentu yang disusun oleh guru-guru beliau. Karya-karya tersebut ialah *Thabat Amin Ridwan al-Madani* dan *Nafhah al-Rahman fi Manaqib al-Sayyid Ahmad Zayni Dahlan* (al-Mar'asyli, 2002: 287, 341-342). Justeru salasilah sanad *al-kutub al-sittah* sepertimana yang tertera dalam jadual-jadual berikut mempunyai kebarangkalian yang tinggi bahawa ianya merupakan salasilah yang sama dalam sumber-sumber yang dinyatakan tersebut.

Jadual 1.4 Salasilah *Sanad Sahih al-Bukhari* Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

BIL. RIJAL	KURUN HIJRAH	NAMA RIJAL
1.	14	Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (w. 1338H)
2.	14	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w.1310H)
3.	14	Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan (w. 1304H)
4.	12	Al-Syaykh 'Uthman bin Hasan al-Dimyati (w.1181H)
5.		Al-Syaykh Muhammad bin 'Ali al-Syinwani
6.		'Isa bin Ahmad al-Barawi
7.		Al-Syaykh Muhammad al-Dufri
8.		Al-Syakh Salim bin 'Abd Allah al-Basari
9.		'Abd Allah bin Salim al-Basari
10.		Al-Syaikh Muhammad bin 'Ala' al-Din al-Babili
11.		Al-Syaikh Salim bin Muhammad al-Sanhuri
12.		Al-Najm Muhammad bin Ahmad al-Ghaiti
13.		Syaikh al-Islam Zakariyya bin Muhammad al-Ansari
14.	9	Al-Hafiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani (w. 852H)
15.	9	Ibrahim bin Ahmad al-Tanukhi (w. 800H)
16.	8	Abi al-'Abbas Ahmad bin Abi Talib al-Hajjar (w. 733H)
17.	7	Al-Hussayn bin al-Mubarak al-Zabidi al-Hanbali (w. 631H)
18.		Abi al-Waqt 'Abd al-Awwal bin 'Isa al-Sijzi
19.		Abu al-Hasan 'Abd al-Rahman bin Mazfar bin Dawud al-Dawudi
20.		Abu Muhammad 'Abd Allah bin Ahmad al-Sarakhsi
21.	4	Abu 'Abd Allah Muhammad bin Yusuf bin Matar al-Firabri (w. 320H)
22.	3	Muhammad bin Isma'il al-Bukhari (w. 256H)

Jadual 1.5 Salasilah *Sanad Sahih Muslim* Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

BIL. RIJAL	KURUN HIJRAH	NAMA RIJAL
1.	14	Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
2.	14	Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w.1310H)
3.	14	Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan (w. 1304H)
4.	12	Al-Syaykh 'Uthman bin Hasan al-Dimyati
5.		Al-Syaykh Muhammad bin 'Ali al-Syinwani
6.		'Isa al-Barawi
7.	12	Al-Syaikh Ahmad bin 'Abd al-Fattah al-Malawi (w. 1182H)
8.	12	Al-Syaikh Ibrahim bin Hasan al-Kurdi (w.1101H)
9.	11	Ahmad bin Muhammad al-Qusyasyi (w. 1071H)
10.	11	Al-Syams Muhammad bin Ahmad al-Ramli (w. 1004H)
11.		Al-Zayn Zakariyya bin Muhammad al-Ansari
12.		'Abd al-Rahim bin al-Furat
13.		Mahmud bin Khalifah al-Dimasyqi
14.	8	Al-Hafiz 'Abd al-Mu'min bin Khalaf al-Dimyati (w. 705H)
15.	7	Abi al-Hasan al-Mu'ayyid bin Muhammad al-Tusi (w. 617H)
16.	6	Abu 'Abd Allah Muhammad bin al-Fadl al-Farawi (w.530H)
17.	5	'Abd al-Ghafir bin Muhammad al-Farisi (w. 448H)
18.		Abu Ahmad Muhammad al-Juludi
19.	4	Ibrahim bin Muhammad bin Sufyan al-Naysaburi (w. 308H)
20.	3	Al-Hafiz Abu al-Hussayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qusyairi al-Naysaburi (w. 261H)

Jadual 1.6 Salasilah *Sanad Sunan Abu Dawud* Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

BIL. RIJAL	KURUN HIJRAH	NAMA RIJAL
1.		Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
2.	13	Al-Sayyid Muhammad Amin al-Madani
3.	13	Al-Syaikh 'Abd al-Ghaniyy bin Abi Sa'id al-'Ummari (w. 1296H)
4.	13	Al-Syaikh 'Abid al-Ansari (w. 1257H)
5.	13	Al-Sayyid 'Abd al-Rahman bin Sulaiman al-Ahdal (w. 1250H)
6.	12	Bapanya al-Sayyid Sulaiman bin al-Ahdal (w. 1197H)
7.	12	Al-Sayyid Ahmad bin Maqbul al-Ahdal (w. 1163H)
8.	12	Al-Sayyid Yahya bin 'Umar al-Ahdal (w. 1147H)
9.		Al-Sayyid Abu Bakr bin 'Ali al-Ahdal
10.	10	Al-Sayyid Tahir bin Hussayn al-Ahdal (w. 998H)
11.	10	Al-Hafiz 'Abd al-Rahman bin 'Ali al-Dayba' al-Syaibani (w. 944H)
12.	9	Al-Zayn al-Syarji (w. 893H)
13.	9	Sulaiman bin Ibrahim al-'Alawi (w. 825H)
14.	8	'Ali bin Abi Bakr bin Syadad (w. 771H)
15.		Abu al-'Abbas Ahmad bin Abi al-Khayr al-Syamakhi
16.		Bapanya Abi al-Khayr al-Syamakhi
17.		Sulaiman bin 'Aqil al-'Asqalani
18.		Nasr bin Abi al-Faraj al-Hasari
19.		Al-Naqib Abi Talib bin Zayd al-'Alawi
20.		Abu 'Ali al-Tustari
21.		Al-Qasim bin Ja'far al-Hasyimi
22.	4	Abu 'Ali Muhammad bin Ahmad al-Lu'lu'i (w.332H)
23.	3	Al-Imam al-hafiz Abi Dawud Sulaiman bin al-Asy'ath al-Sijistani (w. 275H)

Jadual 1.7 Salasilah *Sanad Sunan al-Tirmidhi* Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

BIL. RIJAL	KURUN HIJRAH	NAMA RIJAL
1.		Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
2.		Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami
3.		Al-Sayyid Ahmad bin Zayni Dahlan
4.		Al-Syaikh 'Uthman al-Dimyati
5.	13	Al-Syaikh Muhammad bin Muhammad al-Amir al-Maliki (w. 1232H)
6.	12	'Ali al-Sa'idi (w. 1188H)
7.	12	Al-Syaikh Muhammad bin 'Uqailah al-Makki (w. 1150H)
8.	12	Al-Syaikh Hasan al-'Ujaimi (w. 1113H)
9.		Ahmad bin Muhammad al-Qusyasyi
10.	11	Ahmad bin 'Ali al-Syinawi (w. 1028H)
11.		Bapanya 'Ali bin 'Abd al-Quddus al-Syanawi
12.	10	Al-Syaikh 'Abd al-Wahhab al-Sya'rani (w. 983H)
13.		Al-Zayn Zakariyya bn Muhammad al-Ansari
14.	9	Zayn al-Din al-Maraghi (w. 816H)
15.	9	Isma'il bin Ibrahim al-Jabaruti (w. 806H)
16.	8	Abi al-Hasan 'Ali bin 'Umar al-Wani (w. 727H)
17.	7	Muhyi al-Din Muhammad bin 'Arabi (w. 638H)
18.		'Abd al-Wahhab bin 'Ali al-Bagdadi
19.	6	Abi al-Fath 'Abd al-Malik bin 'Abd aAllah al-Karukhi (w. 548H)
20.	5	Abu Isma'il 'Abd Allah bin Muhammad al-Ansari (w. 481H)
21.		'Abd al-Jabbar al-Jarrahi
22.	4	Abu 'al-'Abbas Muhammad bin Ahmad al-Mahbubi (w. 346H)
23.	3	Al-Imam al-Hafiz Abu 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Surah al-Tirmidhi (w. 279H)

Jadual 1.8 Salasilah *Sanad Sunan al-Nasa'i* Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

BIL. RIJAL	KURUN HIJRAH	NAMA RIJAL
1.		Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
2.		Muhammad Sa'id bin Muhammad Babasil al-Hadrami
3.		Al-Sayyid Ahmad bin Zayni Dahlan
4.		Al-Syaikh 'Uthman al-Dimyati
5.		Al-Syaikh Muhammad bin Muhammad al-Amir al-Maliki (w. 1232H)
6.		'Ali al-Sa'idi (w. 1188H)
7.		Al-Syaikh Muhammad bin 'Uqailah al-Makki (w. 1150H)
8.		Hasan al-'Ujaimi
9.	11	Ahmad bin Muhammad al-'Ajal (w. 1074H)
10.	12	Yahya bin Mukram al-Tabari (w. 1137H)
11.	10	Al-Hafiz 'Abd al-'Aziz bin Fahd (w. 922H)
12.		Abu al-Yaman Muhammad bin Muhammad bin 'Abd Allah al-Ziftawi
13.		Majd al-Din Isma'il bin Ibrahim al-Kanani
14.	8	Abu 'Abd Allah Muhammad bin Isma'il bin 'Abd al-Aziz al-Ayyubi (w. 756H)
15.		Syakir Allah bin al-Syum'ah
16.		Abu Bakr 'Abd al-'Aziz bin Ahmad al-Bagdadi
17.	6	Abu Zur'ah Tahir bin Muhammad al-Maqdisi (w. 566H)
18.		Abu Muhammad 'Abd al-Rahman bin Ahmad al-Duni
19.		Abu Nasr Ahmad bin Hussayn al-Kasar
20.	4	Al-Hafiz Abu Bakr Ahmad bin Muhammad bin al-Sani (w. 364H)
21.	3	Al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd al-Rahman Ahmad bin Syu'ayb bin 'Ali al-Nasa'i (w. 303H)

Jadual 1.9 Salasilah *Sanad Sunan Ibn Majah* Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi

BIL. RIJAL	KURUN HIJRAH	NAMA RIJAL
1.		Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi
2.		Al-Sayyid Abu Bakr bin Muhammad Syata al-Makki (w.1310H)
3.		Al-Sayyid Ahmad Zaini Dahlan (w. 1304H)
4.		Al-Syaykh 'Uthman bin Hasan al-Dimyati (w.1181H)
5.		Al-Syaykh Muhammad bin 'Ali al-Syinwani
6.		'Isa bin Ahmad al-Barawi
7.		Al-Syaykh Muhammad al-Dufri
8.		Salim bin 'Abd Allah
9.		Bapanya 'Abd Allah bin Salim al-Basri
10.		Muhammad bin al-'Ala' al-Babili
11.		Ibrahim bin Hasan al-Laqqani
12.		Muhammad bin Ahmad al-Ramli
13.		Zakariyya bin Muhammad al-Ansari
14.		Ahmad bin 'Ali bin Hajar al-'Asqalani
15.		Ahmad bin 'Umar bin 'Ali al-Bagdadi (w. 809H)
16.		Abu al-Hajjaj Yusuf bin 'Abd al-Rahman al-Mizzi (w. 742H)
17.		'Imad al-Din Isma'il al-Ba'li al-Hanbali
18.		Mauqif al-Din 'Abd Allah bin Ahmad bin Qudamah al-Maqdisi (w. 620H)
19.		Abu Zur'ah Tahir bin Muhammad bin Tahir al-Maqdisi
20.		Abu Mansur Muhammad bin Hussayn al-Maqawwimi
21.		Abu Talhah al-Qasim bin Abi al-Munzir al-Khatib
22.		Abu al-Hasan 'Ali bin Ibrahim al-Qattan
23.		Al-Imam al-Hafiz Abu 'Abd Allah Muhammad bin Majah al-Qazwini (w. 273H)

5.6 SIGNIFIKASI PERIWAYATAN SALASILAH SANAD *AL-KUTUB AL-SITTAH*

Kajian mendapati terdapat tiga signifikasi utama yang memberi makna dan nilai kepentingan periwayatan salasilah sanad kitab-kitab *turath* dunia Islam tidak terkecuali *al-kutub al-sittah* serta pendokumentasiannya secara sistematik dalam sesebuah karya *al-thabat*. Tiga signifikasi berikut merupakan dasar pemikiran Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:5-6) sebagaimana yang dinyatakan dalam mukadimah penulisan karya *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid*.

i. Pandangan Alam terhadap Kelebihan Sanad

Menurut Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:5), Allah ﷻ telah mengistimewakan umat Nabi Muhammad ﷺ dengan kehebatan ilmu sanad. Justeru bukan suatu yang menghairankan apabila para ulama handalan dunia Islam meriwayatkan terutamanya hadis dan juga ilmu-ilmu lain yang diwariskan melainkan hampir kesemuanya mempunyai sanad.

Oleh sebab itu, menurut Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:5), kemuliaan ilmu sanad tidak tersembunyi dalam kalangan ahli ilmu. Malah segenap cendekiawan dan intelektual Islam tidak pernah mengingkari kemuliaan ilmu sanad ini apatah lagi menafikannya. Dalam erti kata lain, pengiktirafan terhadap kelebihan sanad adalah merupakan pandangan alam Islami yang standard dalam kalangan tokoh-tokoh ilmuwan Islam sejagat.

Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:5) menyokong kenyataan beliau dengan memaparkan pandangan alam terhadap kelebihan *sanad* antaranya menerusi empat contoh ucapan yang disampaikan oleh tokoh ilmuwan Islam daripada kurun pertama sehingga kurun keempat Hijrah.

- a. Ibn 'Umar (w. 73H) RA dipetik berkata: "*Ilmu ini adalah agama dan solat adalah agama, oleh itu lihat (selidik) dengan siapa engkau mengambil ilmu ini dan bagaimana cara kamu bersolat, Sesungguhnya kamu semua akan ditanya tentang perkara ini pada hari Kiamat kelak.*"
- b. Abdullah Ibn al-Mubarak RA (w.181H) dipetik berkata:" *Sanad adalah sebahagian daripada agama, jika tidak kerana sanad nescaya akan berkata sesiapa jua tentang apa sahaja (menurut kemahuannya).*"
- c. Imam al-Shāfi'ī (m.204H/819M) menyatakan: "*Perumpamaan seseorang yang belajar hadis tanpa isnād adalah seperti seseorang yang mencari kayu api di waktu malam ia membawa seikat kayu, di mana di dalamnya terdapat ular yang siap mematuknya, sedangkan dia tidak mengetahuinya.*"
- d. Imam Yahya bin Ma'in (m.333H): "*Isnad yang tinggi itu dapat mendekatkan hubungan seseorang dengan Allah dan Rasul-Nya yang amanah.*"

Intisari ucapan-ucapan ini membawa refleksi kelebihan *sanad* yang bertaraf syiar keagungan peradaban ilmu yang terhad dimiliki secara eksklusif oleh agama Islam. Dengan erti kata lain, sistem periwayatan bersanad ini berfungsi sebagai mekanisme sekuriti ketulenan dan kebenaran ilmu-ilmu Islam sepanjang zaman.

ii. Kepentingan Pengetahuan Susur Galur Keilmuan Guru

Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:6) juga menyandarkan signifikansi salasilah sanad direkodkan dalam karya *al-thabat* berasaskan pandangan al-Imam al-Nawawi. Menurut Imam al-Nawawi (2006:71) , pengetahuan terhadap susur galur keilmuan iaitu rangkaian nama-nama guru yang tercatat sebagai mata rantai salasilah sanad dalam karya *al-thabat* adalah antara aspek yang penting serta dituntut ke atas para guru dan penuntut ilmu. Kecetekkan pengetahuan tentang aspek ini adalah satu kekurangan, kelemahan dan kepincangan. Ini adalah kerana para guru kepada insan-insan dalam bidang ilmu seumpama perintis jalan atau pelopor dalam agama, mata rantai penghubung antara seseorang penuntut ilmu dengan Tuhan Sekalian Alam.

Justeru menurut Imam al-Nawawi (2006:71) lagi, bagaimana tidak pincangnya faktor kejahilan ke atas nasab dan rangkaian penghubung ilmu ini sedangkan pada masa yang sama warga ilmu dituntut agar mendoakan serta menghargai mereka. Doa dan penghargaan sudah tentu tidak dapat direalisasikan jika nama-nama ini tidak dikenali.

Oleh sebab itu menurut Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:6), karya *thabat* adalah kekal relevan dihasilkan pada setiap zaman. Ia berfungsi pada dasarnya adalah untuk merekodkan salasilah sanad supaya nama-nama para guru tersebut berterusan dihargai serta konsisten menjadi sebutan khususnya dalam doa-doa dan slot periwayatan sanad di majlis-majlis *talaqqi* ilmu dunia Islam pada setiap zaman.

iii. Teladan Tradisi Ilmuwan Islam

Syeikh Muhammad Mahfuz al-Tarmasi (1987:6) juga menegaskan bahawa antara signifikansi lain yang memberi makna dan nilai kepentingan periwayatan salasilah sanad kitab-kitab *turath* dunia Islam tidak terkecuali *al-kutub al-sittah* serta pendokumentasiannya secara sistematik dalam sesebuah karya *al-thabat* adalah untuk mengikuti serta meneladani tradisi yang sedia diaplikasikan oleh ilmuwan Islam pada setiap zaman. Tokoh menukilkan kata-kata:

فتشبهوا إن لم تكونوا مثلهم إن التشبه بالرجال فلاح

Maksudnya: *Hendaklah kamu mencontohi mereka sekalipun kamu tidaklah seperti mereka. Ini adalah kerana mencontohi para rijāl yang mulia itu merupakan satu kejayaan.*

Kegiatan merekodkan salasilah sanad kitab-kitab *turath* dalam karya *al-thabat* dapat dianggap sebagai tradisi yang sebatu dan kekal turun temurun menjadi contoh ikutan dalam kalangan ilmuwan dunia Islam sehingga kini. Para ilmuwan Islam bersilih ganti kurun demi kurun memberi komitmen konsisten terhadap kegiatan penghasilan karya *al-thabat*. Ensiklopedia *sanad* susunan Yūsuf °Abd al-Raḥman al-Mar°ashlī (2002:8) berjudul *Mu°jam al-Ma°ājim wa al-Mashyakhāt wa al-Fahāris wa al-Barāmiy wa al-Athbāt* berjaya menyerlahkan bukti empirikal kewujudan sekitar 3081 nama-nama karya *al-thabat* yang disusun oleh lebih kurang 1760 orang ilmuwan *al-musnid*.

Yūsuf °Abd al-Raḥman al-Mar°ashlī (2002:8) menyusun profil ilmuwan dan karya *al-thabat* dalam ensiklopedia ini berasaskan kronologi kurun iaitu bermula kurun pertama hingga kurun terkini 15 Hijrah. Hampir kebanyakan item-item utama yang direkodkan adalah terdiri daripada nama, asal usul keluarga, kelahiran, kewafatan, sorotan perkembangan kehidupan,

penglibatan kerjaya dan sumbangan ilmiah, paparan nama para guru *al-qirā'āh*, guru *al-ijāzah* dan karya-karya dalam pelbagai bidang ilmu khususnya karya-karya *al-thabat* yang dihubungkan dengan ilmuwan terbabit.

6.0 KESIMPULAN

Kesimpulan menunjukkan bahawa peradaban pengajian ilmu wahyu dunia Islam tidak dapat sama sekali menepikan keprihatinan dalam menghargai mata rantai sanad keilmuan yang bersambungan sehingga sampai kepada ulama penyusun kitab-kitab turath. Bahkan manifestasi dokumentasi mata rantai sanad kitab *turath* khususnya *al-kutub al-sittah* dalam karya *al-thabat* seperti *Kifayah al-Mustafid lima 'ala min al-Asanid* menunjukkan kepentingan pendengaran hadis secara mekanisme asal iaitu *al-sama'* dan *al-ijazah* walaupun pada masa kini.

Keprihatinan dan kepentingan ini tercetus berdasarkan tiga asas relevansi yang mempengaruhi kelansungan kegiatan periwayatan salasilah *sanad* kitab-kitab *turath* pengajian Islam dalam kalangan ilmuwan Islam *al-musnid* zaman berzaman. Tiga asas tersebut adalah pandangan alam Islami terhadap kelebihan sanad, kepentingan pengetahuan biodata serta keilmuan guru dan teladan tradisi ulama dunia Islam.

Dengan erti kata lain, fenomena meriwayatkan, menyelenggara serta mendokumentasikan periwayatan salasilah sanad ilmu hadis khasnya bersandarkan enam buah kitab induk hadis dalam kalangan ilmuwan *al-musnid* adalah dijangka tidak akan terjejas pada setiap zaman. Malahan konsistensi aplikasinya dapat diterjemahkan sebagai persepakatan amali para ilmuwan terhadap kegiatan terbabit.

RUJUKAN

- al-Amīr al-Kabīr, Muḥammad bin Muḥammad al-Sinbāwīyy. 2009. *Thabat al-amīr al-kabīr*. Taḥqīq: Muḥammad Ibrāhīm al-Ḥusayn. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmīyyah.
- al-Asl, Muḥammad bin Jābir al-Wādī Āshī. 1982. *Barnāmaj al-Wādī Āshī*. t.tp.: t.pt.
- al-Azhārī, Usāmat al-Sayyid Maḥmūd. 2011. *Asānīd al-miṣriyyīn*. t.tp.: Dār al-Faḥīh.
- Alrashīd, Muḥammad °Abd Āllah. 1999. *Imdād al-fattāḥ bi asānīd wa marwīyyāt al-shaykh °Abd al-Fattāḥ*. Riyāḍ: Maktabah al-Imām al-Shāfi'ī.
- al-Barnī, °Ashīq al-Ilāhī. 1988. *Al-°Anāqīd al-ghālīyyah min al-asānīd al-°āliyyah*. Deoband: Maktabah Deoband.
- al-Fadānī, Muḥammad Yāsīn bin °Isā. 1989. *Al-Asānīd al-makkīyyah li kutub al-ḥadīth wa al-siyar wa al-shamā'il al-muḥammadiyyah*. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmīyyah.
- al-Fadānī, Muḥammad Yāsīn bin °Isā. t.th. *Al-Maslak al-jalīyy fī asānīd fadhilat al-shaykh Muḥammad °Alī*. t.tp.: Dār al-Ṭibā'ah al-Miṣriyyah al-Ḥadīthīyyah.
- al-Fadānī, Muḥammad Yāsīn bin Muḥammad °Isā. 1983b. *Itḥāf al-bardah bi asānīd al-kutub al-ḥadīthīyyah al-°asharah*. Damshiq: Dār al-Baṣā'ir.
- Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2014). Faktor-Faktor Dorongan dan Keperluan Aplikasi Talaqqi Bersanad (TB) di Malaysia (Tesis Doktor Falsafah). Bangi: Fakulti Pengajian Islam, UKM.
- al-Fullānī, Imām Ṣāliḥ bin Muḥammad. 1984. *Qaṭf al-thamar fī raf' asānīd al-muṣannafāt fī al-funūn wa al-athār*. Taḥqīq: °Amir Ḥasan Ṣabri. Jeddah: Dār al-Shurūq.
- al-Ghawrī, Sayyid °Abd al-Mājid. 2007a. *Mu°jam al-muṣṭalahāt al-ḥadīthīyyah*. Dimashq: Dār Ibn Kathīr.

- Ibn Hajar al-^cAsqalānī, Aḥmad bin ^cAlī. 1992. *Al-Majma^c al-mu'assis li al-mu^cjam al-mufahris*. Taḥqīq: Yūsuf ^cAbd al-Raḥman al-Mar^cashlī. Jil. 1. Beirut: Dār al-Ma^crīfah.
- Ibn Hajar al-^cAsqalānī, Aḥmad bin ^cAlī. 1998. *Tajrīd al-asānīd al-kutub al-mashhūrah wa al-ajzā' al-manthūrah*. Taḥqīq: Muḥammad Shakūr Maḥmūd al-Ḥājī Imrīr al-Mayādīnī. Beirut: Mu'asasat al-Risālah.
- al-Kattānī, ^cAbd al-Ḥayy bin ^cAbd al-Kabīr. 1982. *Fahras al-fahāris wa al-athbāt wa mu^cjam al-ma^cājim wa al-mashyakhāt wa al-musalsalāt*. Taḥqīq: Iḥsān ^cAbbās. Jil. 1 & 3. Beirut: Dār al-Gharb al-Islāmiyy.
- al-Mālikī, Muḥammad bin ^cAlawī. 1991. *Al-Ṭālī^c al-sa^cīd al-muntakhab min al-musalsalāt wa al-asānīd*. t.tp.: t.pt.
- al-Mar^cashlī, Yūsuf ^cAbd al-Raḥman. 2002. *Mu^cjam al-ma^cājim wa al-mashyakhāt wa al-fahāris wa al-barāmiy wa al-athbāt*. 4 Jil. Riyāḍ: Maktabat al-Rushd.
- al-Nadwī, Muḥammad Akram. 2001. *Bughyat al-mutābi^c li asānīd al-^callāmah al-sharīf Muḥammad al-Rabi^c*. Damshiq: Dār al-Qalam.
- al-Nadwī, Muḥammad Ḥassan Akhtar. 2007. *Al-Durr al-thamīm bi asānīd shaykh Taqīyy al-Dīn*. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.
- al-Nawawī, Abū Zakariyyā Yaḥyā bin Sharaf. 2006. *Tahdhīb al-asmā' wa al-lughāt*. Taḥqīq: ^cAbduh ^cAli Kawshak. Jil. 1. Damshiq: Dār al-Faiḥā'.
- Nūr al-Dīn ^cItr. 1992. *Manhaj al-naqd fi^c ulūm al-ḥadīth*. Beirut: Dār al-Fikr.
- al-Rājihīyy, ^cAbd al-^cAzīz bin Fayṣal. 2001. *Hady al-sārī ilā asānīd al-shaykh Ismā'il al-Anṣārīyy*. Riyāḍ: Maktabat al-Rushd.
- al-Shawkānī, Muḥammad bin ^cAlī. 2002. Itḥāf al-akābir bi isnād al-dafātir. Dlm. Al-Shawkānī (pnyt.) *Al-Fatḥ al-rabbānī min fatāwā al-imām al-Shawkānī*, jil. 3. hlm. 1465-1464. Ṣana^cā': Maktabat al-Jayl al-Jadīd.
- al-Tarmasī, Muḥammad Maḥfūz bin ^cAbd Āllah. 1987. *Kifāyat al-mustafīd limā^c alā min al-asānīd*. Taḥqīq: Muḥammad bin ^cIsā al-Fadānī. Beirut: Dār al-Bashā'ir al-Islāmiyyah.